

Terma dan syarat
Kempen Tawaran Pembukaan Cawangan Utama Di Jalan Kelawei
Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE
Tempoh Kempen: 1 Ogos 2026 sehingga 31 Disember 2026

PERINGATAN: Pelanggan yang layak (seperti yang ditakrifkan di bawah) dengan ini diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat di bawah dan terma dan syarat yang terkini (sekiranya ada) yang boleh didapati melalui <https://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions>. Sekiranya Pelanggan yang Layak tidak memahami mana-mana terma dan syarat yang ternyata di sini dan terma dan syarat yang terkini (sekiranya ada), Pelanggan yang Layak adalah dinasihatkan untuk membincang dengan mana-mana wakil Bank yang sah.

1 Definisi

1.1 Untuk tujuan terma dan syarat ini, perkataan dan ungkapan yang berikut hendaklah mempunyai makna yang ditentukan baginya melainkan sekiranya konteks memerlukan sebaliknya;

“**AmSPB**” merujuk kepada AmBank SIGNATURE Priority Banking.

“**Aset Utama Di Bawah Pengurusan atau ABP Utama**” adalah merujuk kepada jumlah agregat baki Akaun Utama dalam Deposit dan/atau, dan/atau Premium/Sumbangan produk Bancassurance/Bancatakaful yang berkuat kuasa, yang dipegang dengan Bank. Untuk definisi terperinci ABP Utama, sila rujuk kepada Terma dan Syarat Khusus Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE di <https://www.ambank.com.my/amsptnc>.

“**Akaun Semasa/Akaun Simpanan (ASAS) atau Akaun Semasa/Akaun Simpanan-i (ASAS-i)**” bermaksud akaun deposit yang dikekalkan oleh Pelanggan yang Layak dengan Bank.

“**Bank**” adalah merujuk kepada AmBank (M) Berhad (“**AmBank**”) [No. Syarikat: 196901000166 (8515-D)] dan AmBank Islamic Berhad (“**AmBank Islamic**”) [No. Syarikat: 199401009897 (295576-U)], sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 (dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016) dan mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 22, Bangunan AmBank Group, No. 55 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

“**Cawangan Jalan Kelawei**” merujuk kepada alamat berdaftar di No. 17, Jalan Kelawei, Lot 1315, Seksyen 4, 10250 Bandar George Town, Pulau Pinang.

“**Dana Baharu**” bermaksud wang atau dana yang:

- a. tidak dipindahkan daripada mana-mana akaun deposit dan/atau pelaburan Bank sedia ada;
- b. dipindahkan menerusi GIRO Antara Bank (IBG) atau Pindahan Dana Antara Bank (IBFT) daripada bank/institusi kewangan yang lain ke dalam Akaun Semasa/Simpanan atau Akaun Semasa/Simpanan-i Pelanggan yang Layak;
- c. deposit boleh dibuat melalui tunai atau cek ke dalam Akaun Semasa/Simpanan atau Akaun Semasa/Simpanan-i Pelanggan yang Layak.

“**Dana Unit Amanah Patuh Syariah**” atau “**Unit Amanah Patuh Syariah**” merujuk kepada Dana Unit Amanah Patuh Syariah yang diedarkan oleh Bank dalam Kempen ini.

“**Dana Unit Amanah**” merujuk kepada satu bentuk pelaburan kolektif yang membenarkan pelabur dengan objektif yang serupa untuk menggabungkan simpanan masing-masing, dan kemudiannya dilaburkan dalam portfolio saham atau aset lain yang diurus oleh pengurus dana profesional, termasuk Dana Unit Amanah Konvensional dan Dana Unit Amanah Patuh Syariah.

“**Kempen**” adalah merujuk kepada Kempen Pembukaan Cawangan Utama Di Jalan Kelawei Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE (AmSPB) yang dianjurkan oleh Bank menurut terma dan syarat yang ditetapkan di sini.

“**Hadiah Kempen**” bermaksud Hadiah Ganjaran, Hadiah Istimewa dan/atau Hadiah Pendaftaran.

Terma dan syarat
Kempen Tawaran Pembukaan Cawangan Utama Di Jalan Kelawei
Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE
Tempoh Kempen: 1 Ogos 2026 sehingga 31 Disember 2026

“**Hari**” bermaksud Isnin hingga Jumaat, dan apabila pejabat Bank yang berdaftar dibuka, kecuali dinyatakan sebaliknya.

“**Notis Terdahulu**” bermaksud notis oleh Bank mengenai fakta tertentu atau keadaan hal ehwal tertentu sekurang-kurangnya lima (5) hari kalendar.

“**Pelanggan Baharu Bank**” merujuk kepada pelanggan baharu Kumpulan AmBank yang tidak mempunyai sebarang hubungan sedia ada dengan Bank.

“**Pelanggan yang Layak**” bermaksud pelanggan AmSPB dan/atau Pelanggan Baharu Bank dan/atau Pelanggan Prioriti Baru dan/atau Pelanggan Baharu *Wealth* yang layak untuk menyertai Kempen ini menurut terma dan syarat yang ditetapkan di sini.

“**Pelanggan Prioriti Baru**” merujuk kepada pelanggan yang bukan ahli sedia ada AmBank SIGNATURE Priority Banking enam (6) bulan sebelum Tempoh Kempen.

“**Pelanggan Baharu Wealth**” merujuk kepada pelanggan yang sedia ada dengan Bank yang mestilah tidak mendaftar/membuat sebarang transaksi pelaburan termasuk *Bancassurance*/Bancatakaful dua belas (12) bulan sebelum Tempoh Kempen (takrifkan di sini).

“**Pemegang Akaun Utama**” bermaksud pelanggan AmSPB yang namanya merupakan Pemegang Akaun Utama dimana akaun telah dibuka dan diselenggara dengan Bank.

“**Produk Berstruktur**” merujuk kepada *European Knock-In* dan *AutoCallable*.

Perkataan yang merujuk kepada orang hendaklah termasuk orang yang hidup dan, jika dan di mana berkaitan, badan atau orang yang diperbadankan atau tidak diperbadankan. Perkataan-perkataan yang merujuk kepada kata tunggal hendaklah juga termasuk bentuk jamak dan sebaliknya. Perkataan yang merujuk kepada jantina lelaki hendaklah termasuk jantina perempuan dan jantina neuter.

Terminologi konvensional boleh digunakan untuk produk AmBank, manakala terminologi Islamik terpakai untuk produk AmBank Islamic.

Istilah “**Syarikat Bersekutu**” hendaklah mempunyai maksud yang sama seperti yang ditentukan baginya di bawah Seksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 yang termasuk mana-mana perbadanan yang mana syarikat tersebut memegang tidak kurang daripada dua puluh peratus (20%) tetapi tidak lebih daripada lima puluh peratus (50%) daripada saham dengan hak mengundi atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, di mana terpakai. Istilah “**Syarikat Berkaitan**” hendaklah mempunyai maksud yang sama seperti yang ditentukan baginya di bawah Seksyen 7 Akta Syarikat 2016 yang merangkumi syarikat pemegang atau sebuah subsidiari atau subsidiari kepada syarikat pemegang kepada syarikat pertama.

2 Kelayakan dan Tempoh Kempen

- 2.1 Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan AmSPB di Cawangan Jalan Kelawei Bank, dan Tempoh Kempen akan **bermula dari 1 Ogos 2026 sehingga 31 Disember 2026**, termasuk kedua-dua tarikh tersebut (“**Tempoh Kempen**”) atau sehingga ganjaran hadiah telah ditebus sepenuhnya, yang mana terdahulu. Bank berhak untuk mengubah atau meminda tempoh Kempen dengan Notis Awal.
- 2.2 Untuk dianggap sebagai pelanggan AmSPB, terma dan syarat khusus pentadbiran keahlian AmSPB akan terpakai di mana boleh didapati di <https://www.ambank.com.my/amspbtncl>.

Terma dan syarat
Kempen Tawaran Pembukaan Cawangan Utama Di Jalan Kelawei
Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE
Tempoh Kempen: 1 Ogos 2026 sehingga 31 Disember 2026

3 Tawaran Pembukaan Cawangan

Tawaran 3.1 Kempen Pemerolehan AmSPB

a) Kelayakan & Mekanisme Kempen

- (i) Kempen ini terbuka kepada semua Pelanggan Baru Prioriti yang berumur sekurang-kurangnya 18 tahun dan menghantar permohonan yang diterima oleh Bank untuk keahlian AmSPB ("**Pendaftaran Berjaya**") dalam Tempoh Kempen ("**Pelanggan Prioriti Baru yang Layak**").
- (ii) Tertakluk kepada Klausula 3.1, Pelanggan Prioriti Baru yang Layak yang memenuhi syarat Kempen seperti yang ditetapkan akan berhak untuk menerima hadiah ganjaran ("**Hadiah Ganjaran**") seperti yang dinyatakan di Jadual 1. Untuk layak menerima Hadiah Ganjaran (seperti yang ditakrifkan selepas ini), Pelanggan Prioriti Baru yang Layak hendaklah melengkapkan dan menyerahkan borang pemenuhan kempen ("**Borang Pemenuhan**") kepada kakitangan berkuasa semasa Tempoh Kempen.

Jadual 1: Hadiah Pendaftaran Pemerolehan AmSPB

Syarat-syarat	Hadiah Ganjaran
1. Pendaftaran Berjaya keahlian AmSPB Pelanggan Prioriti Baru yang Layak semasa Tempoh Kempen; dan 2. Pelanggan Prioriti Baru yang Layak haruslah mengekalkan minima ABP dengan Bank sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu (RM200,000) atau bersamaan.	Satu (1) unit Set Hadiah Penjagaan Badan Mewah Dengan Daun Emas 24K

- (iii) Jumlah keseluruhan Hadiah Ganjaran bagi Kempen ini dihadkan kepada tujuh puluh lima (75) unit dan akan diberikan berdasarkan '**siapa cepat dia dapat**'.

Tawaran 3.2 Kempen "Golden Wealth" AmSPB

a) Kelayakan & Mekanisme Kempen

- (i) Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan sedia ada/baharu AmSPB yang memenuhi syarat-syarat berikut ("**Pelanggan AmSPB yang Layak**");
 - a. individu yang berumur 18 tahun ke atas;
 - b. mesti menjadi ahli AmSPB dengan ABP Utama minimum sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu (RM200,000) atau bersamaan sepanjang Tempoh Kempen; dan
 - c. mesti merupakan Pelanggan Baru *Wealth*
- (ii) Produk Pengurusan "*Wealth*" yang Layak ("**Produk yang Layak**") di dalam Kempen ini adalah seperti berikut:
 - a. Dana Unit Amanah/Dana Unit Amanah Patuh Syariah (UA/UA Patuh Syariah)
 - b. Produk Berstruktur
 - c. *Bancassurance*/Bancatakal
- (iii) Penyertaan Dana Unit Amanah merujuk kepada semua Dana Unit Amanah Konvensional dan Dana Unit Amanah Patuh Syariah terpilih dengan **minima caj jualan sebanyak 1.00%** kecuali dana Amanah Saham Nasional Berhad Harga Tetap, dana Amanah Saham Nasional Berhad Harga Berubah, pelaburan Skim Persaraan Swasta (SPS) dan mana-mana dana unit amanah tertutup yang dilancarkan semasa Tempoh Kempen.
- (iv) Penyertaan Produk Berstruktur merujuk kepada *European Knock-In* dan *AutoCallable*.

Terma dan syarat
Kempen Tawaran Pembukaan Cawangan Utama Di Jalan Kelawei
Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE
Tempoh Kempen: 1 Ogos 2026 sehingga 31 Disember 2026

- (v) Penyertaan *Bancassurance*/Bancatakaful merujuk kepada WealthInspire, i.Am Wealth Achiever dan PrestigeWealth-i dengan mod pembayaran premium/sumbangan tahunan sahaja.
- (vi) Untuk menyertai Kempen ini, Pelanggan AmSPB yang Layak dikehendaki memenuhi kriteria Kempen berikut untuk layak bagi memenangi hadiah ganjaran ("**Hadiah Ganjaran**") seperti butiran di bawah:
- melabur di mana-mana Produk yang Layak seperti Jadual 2 dan 3 di bawah **dalam bulan kempen yang sama**;
 - isikan dan serahkan Borang Penyertaan Kempen yang ditandatangani sepenuhnya;
 - mengekalkan ABP Utama minimum Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu (RM200,000) atau bersamaan sepanjang Tempoh Kempen. Transaksi pelaburan yang dibuat di bawah Kempen ini boleh layak untuk dikira sebagai sebahagian daripada ABP Utama.

Jadual 2: UA/UA Patuh Syariah*

Tahap UA/UA Patuh Syariah (Minima Amaun dalam Ringgit Malaysia)	Hadiah Ganjaran
500,000 ke atas	1 x 2g Emas
300,000 sehingga 499,999	1 x 1g Emas

*Pelanggan yang Layak mestilah membuka Akaun Pelaburan Unit Amanah Utama Baharu semasa Tempoh Kempen.

Jadual 3: Produk Berstruktur

Tahap Produk Berstruktur (Minima Amaun dalam Ringgit Malaysia)	Hadiah Ganjaran
500,000 ke atas	1 x 2g Emas
300,000 sehingga 499,999	1 x 1g Emas

- Kelayakan Hadiah Ganjaran akan berdasarkan transaksi yang berjaya dalam bulan kempen yang sama sahaja. Pelanggan AmSPB yang Layak adalah **dibolehkan untuk mengabungkan beberapa transaksi pelaburan dalam penyertaan Produk yang Layak yang sama dalam bulan kempen yang sama seperti Jadual 2 dan 3 di atas** mengikut cop transaksi berjaya seperti yang direkodkan dalam Bank sistem bagi menentukan Hadiah Ganjaran berdasarkan tahap pelaburan masing-masing, tertakhluk kepada Pelanggan AmSPB yang Layak memenuhi semua mekanik Kempen yang ditetapkan di atas dari tarikh tandatangan di Borang Penyertaan Kempen.
- Sekiranya Pelanggan AmSPB yang Layak mencapai beberapa syarat kelayakan semasa Tempoh Kempen, peringkat tertinggi Hadiah Ganjaran akan diutamakan.
- Pelanggan AmSPB Layak yang memenuhi syarat dan memilih tawaran ini tidak akan layak untuk Tawaran 3.1.

b) Hadiah Istimewa dan Pemilihan Pemenang

- (i) Pelanggan AmSPB yang Layak yang memenuhi kriteria Kempen berikut akan layak untuk mendapatkan penyertaan bagi memenangi Hadiah Istimewa seperti Jadual 4 yang ditetapkan di bawah.

Terma dan syarat
Kempen Tawaran Pembukaan Cawangan Utama Di Jalan Kelawei
Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE
Tempoh Kempen: 1 Ogos 2026 sehingga 31 Disember 2026

Jadual 4: Hadiah Istimewa

Kriteria	Penyertaan yang Layak	Hadiah Istimewa	Jumlah Pemenang
[A] Penyertaan Bonus Pelaburan¹ - Mesti melabur dalam UA/UA Patuh Syariah dan Produk Berstruktur; dan - Mesti memenuhi minima tahap pelaburan seperti Jadual 2 dan 3 dalam klausa 3.2 a) semasa Tempoh Kempen.	Setiap Jumlah Transaksi Pelaburan Ringgit Malaysia Tiga Puluh Ribu (RM30,000) = Sepuluh (10) Penyertaan		
[B] Penyertaan Bonus <u>Bancassurance/Bancatakal²</u> - Pendaftaran <u>Bancassurance/Bancatakal</u> dengan minima premium/sumbangan tahunan sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Puluh Ribu (RM30,000); dan - Mesti dikuatkuasakan semasa Tempoh Kempen dan telah melepasi tempoh bertenang lima belas (15) hari kalendar.	Sepuluh (10) Penyertaan	1 x 10g Emas	Dua (2) pemenang

¹Seperti yang ditakrifkan dalam klausa 3.2 a) iv dan v

²Seperti yang ditakrifkan dalam klausa 3.2 a) vi

- (ii) Penyertaan yang dikumpul oleh setiap Pelanggan AmSPB yang Layak adalah berdasarkan rekod Pemegang Akaun Utama AmSPB dengan ABP Utama sahaja dan akan berdaftar bagi menyertai Kempen ini secara automatik apabila memenuhi kriteria Kempen di klausa 3.2.
- (iii) Sistem Bank akan menetapkan nombor bersiri unik bagi setiap Penyertaan yang diperoleh oleh semua Pelanggan AmSPB Yang Layak semasa Tempoh Kempen, yang kemudiannya digunakan untuk menyisih semua Penyertaan dalam tertib menaik. Susulan kepada ini, setiap Penyertaan kemudiannya dinomborkan secara berurutan mulai dari 1 untuk nombor siri dengan nilai terendah ("**Nombor Berurutan**").
- (iv) Sekurang-kurangnya tiga puluh (30) Pelanggan AmSPB yang Layak akan disenarai pendekkan untuk Hadiah Istimewa ("**Pemenang Berpotensi**") berdasarkan nombor siri unik yang diberikan.
- (v) Pemenang Hadiah Berpotensi bagi Hadiah Istimewa akan dihubungi melalui panggilan telefon bagi sesi Soal-dan-Jawab ("**Panggilan S&J**") di nombor mudah alih mereka yang diselenggara dalam sistem Bank, antara jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang dari hari Isnin hingga Jumaat (kecuali hari cuti umum), dalam tempoh Dua Belas (12) minggu dari akhir Tempoh Kempen.

Terma dan syarat
Kempen Tawaran Pembukaan Cawangan Utama Di Jalan Kelawei
Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE
Tempoh Kempen: 1 Ogos 2026 sehingga 31 Disember 2026

- (vi) Pihak Bank akan membuat tiga (3) percubaan untuk menghubungi Pemenang Hadiah Berpotensi. Sekiranya percubaan hubungan pertama gagal atas sebab-sebab seperti panggilan tidak dijawab, nombor mudah alih tidak berada dalam perkhidmatan, tiada sambungan atau apa-apa sebab sedemikian, maka pihak Bank akan membuat dua (2) lagi percubaan dalam tempoh dua (2) hari bekerja pada masa tersedia yang seterusnya mengikut budi bicara Bank. Sekiranya kesemua percubaan gagal, maka Pemenang Hadiah Berpotensi akan disingkirkan daripada memenangi Hadiah tersebut. Pemenang Hadiah Berpotensi yang berikutnya akan dihubungi kemudiannya berpeluang untuk memenangi Hadiah Istimewa.
- (vii) Pemenang Hadiah Berpotensi akan dikehendaki untuk menjawab satu (1) soalan dengan betul sebelum dipilih menjadi Pemenang Hadiah Istimewa. Sekiranya Pemenang Hadiah Berpotensi yang disenarai pendek gagal menjawab Panggilan S&J dengan betul, maka Pemenang Hadiah Berpotensi akan disingkirkan daripada memenangi Hadiah tersebut. Pemenang Hadiah Berpotensi yang berikutnya akan dihubungi kemudiannya berpeluang untuk memenangi Hadiah Istimewa.
- (viii) Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa panggilan telefon yang dibuat kepada Pemenang Hadiah Berpotensi yang disenarai pendekkan yang tidak lengkap, terputus, tidak dijawab, atau tidak terdapatnya Pemenang Hadiah Berpotensi tersebut pada tarikh dan masa yang ditetapkan dan/atau disebabkan oleh apa-apa sebab lain sedemikian.
- (ix) Pelanggan AmSPB yang Layak yang menyertai di Kempen ini akan layak menerima satu (1) Hadiah Ganjaran dan satu (1) Hadiah Istimewa sepanjang Tempoh Kempen ini.
- (x) Jumlah kos Kempen adalah terhad kepada Ringgit Malaysia Seratus Ribu Empat Ratus (RM104,000) dan ia akan dihadiahkan berdasarkan **"Siapa Cepat Dia Dapat"**.

Tawaran 3.3 Hadiah Pendaftaran ASAS/ASAS-i

a) Kelayakan & Mekanisme Kempen

- (i) Kempen ini adalah terbuka kepada semua ahli sedia ada/baharu AmSPB yang mengekalkan minima ABP Utama sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu (RM200,000) atau bersamaan atau Pelanggan Baharu Bank yang memenuhi kriteria Kempen seperti yang ditetapkan akan berhak untuk menerima Hadiah Ganjaran semasa pendaftaran ASAS/ASAS-i seperti yang dinyatakan di Jadual 5.

Table 5: Hadiah Pendaftaran ASAS/ASAS-i

Criteria	Gift Reward
Buka mana-mana akaun ASAS/ASAS-i utama dengan deposit Dana Baharu minima sebanyak Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000)	Satu (1) unit of Patung Aman

- (ii) Jumlah keseluruhan Hadiah Ganjaran bagi Kempen ini dihadkan kepada tujuh puluh lima (75) unit dan akan diberikan berdasarkan **'siapa cepat dia dapat'**.

Tawaran 3.4 Hadiah Pendaftaran *Bancasurance*/Bancatakaful

a) Kelayakan & Mekanisme Kempen

- (i) Kempen ini adalah terbuka kepada semua ahli sedia ada/baharu AmSPB yang mengekalkan minima ABP Utama sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu (RM200,000) atau bersamaan dan memenuhi kriteria Kempen seperti yang ditetapkan akan berhak untuk menerima Hadiah Ganjaran seperti yang dinyatakan di Jadual 6.

Terma dan syarat
Kempen Tawaran Pembukaan Cawangan Utama Di Jalan Kelawei
Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE
Tempoh Kempen: 1 Ogos 2026 sehingga 31 Disember 2026

Jadual 6: Hadiah Pendaftaran *Bancassurance*/Bancatakaful

Kriteria	Hadiah Istimewa
Pendaftaran <i>Bancassurance</i>/Bancatakaful dengan minima premium/sumbangan tahunan sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Puluh Ribu (RM30,000)	Satu (1) unit Set Kit Perjalanan

- (ii) Penyertaan *Bancassurance*/Bancatakaful merujuk kepada semua produk insurans/takaful yang ditaja jamin oleh AmMetLife/AmMetLife Takaful.
- (iii) Jumlah keseluruhan Hadiah Ganjaran bagi Kempen ini dihadkan kepada dua puluh (20) unit dan akan diberikan berdasarkan '**siapa cepat dia dapat**'.

4 Hadiah Kempen

- 4.1 Untuk mengelakkan keraguan, berkenaan dengan akaun bersama, hanya Pemegang Akaun Utama akan layak menerima Hadiah Ganjaran dan Hadiah Istimewa (takrifkan di sini) di bawah Kempen ini.
- 4.2 Bank berhak untuk mengubah atau menukar Hadiah Ganjaran dan Hadiah Istimewa ke sebarang bentuk ganjaran yang sama amaun dan Pelanggan yang Layak akan diberitahu dengan Notis Terdahulu melalui cara komunikasi yang ditetapkan di dalam Kempen ini.
- 4.3 Hadiah Ganjaran tidak boleh ditukar atau dipindahmilik dengan wang tunai, kredit atau sejenisnya. Hadiah Ganjaran yang dipaparkan di laman sesawang promosi adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan reka bentuk asal mungkin berbeza.
- 4.4 Bank menolak apa-apa liabiliti, tanggungjawab atau kewajipan berkaitan dengan hadiah dan tidak membuat representasi atau jaminan terhadap kualiti hadiah tersebut dan tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan hadiah yang hilang, dicuri atau rosak disebabkan oleh kecacatan bahunya atau pembuatannya oleh pengilang sama ada di bawah jaminan atau tidak. Pelanggan yang Layak hendaklah berurusan terus dengan pengeluar dan/atau wakil jualannya yang sah untuk maklumat jaminan, tuntutan dan/atau terma dan syarat yang berkaitan khusus dengan hadiah.
- 4.5 Tertakluk kepada Tawaran 3.1 dan Tawaran 3.2 di bawah Klausula 3, pelaksanaan pemberian hadiah kempen adalah seperti di bawah.
 - a) Hadiah Kempen akan dihantar ke alamat surat-menyurat yang dinyatakan di dalam Borang Penyertaan Kempen dalam tempoh sembilan puluh (90) hari bekerja dari tarikh Tempoh Kempen tamat.
 - b) Sekiranya mana-mana Hadiah Ganjaran tidak dituntut selepas dua (2) minggu atau setelah Dua (2) percubaan penghantaran gagal, mana yang berlaku terdahulu, Pelanggan yang Layak mesti menuntut Hadiah Ganjaran secara peribadi di alamat yang dinyatakan pada pemberitahuan kurier yang dihantar kepada Pelanggan yang Layak. Sekiranya gagal, caj penghantaran berikutnya untuk Hadiah Ganjaran haruslah dibayar oleh Pelanggan yang Layak seperti yang dinyatakan di klausula 4.5 e) dibawah.
 - c) Sebarang Hadiah Ganjaran yang tidak dituntut enam (6) minggu selepas tarikh penghantaran awal akan dilucutkan. Pelanggan yang Layak yang hadiah ganjarannya telah dilucutkan tidak berhak mendapat pembayaran atau pampasan tanpa mengira sebab untuk tidak menuntut hadiah.

Terma dan syarat
Kempen Tawaran Pembukaan Cawangan Utama Di Jalan Kelawei
Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE
Tempoh Kempen: 1 Ogos 2026 sehingga 31 Disember 2026

- d) Apabila menerima Hadiah Ganjaran tersebut, Pelanggan yang Layak adalah dikehendaki bagi memastikan keaslian hadiah tersebut. Pelanggan yang Layak adalah dikehendaki berurusan secara langsung dengan pengilang Hadiah Ganjaran tersebut bagi sebarang hadiah yang akan diganti disebabkan oleh kerosakan atau kecacatan melalui panggilan telefon dengan pengilang dalam masa Empat Puluh Lapan (48) jam daripada penerimaan hadiah.
- e) Pelanggan yang Layak bertanggungjawab untuk membayar sebarang kos penghantaran, caj perkhidmatan dan/atau caj lain yang berkaitan dengan hadiah untuk penghantaran kali kedua. Bank hanya bertanggungjawab untuk kos penghantaran, caj perkhidmatan, kos sampingan dan/atau caj lain yang berkaitan dengan hadiah untuk penghantaran kali pertama sahaja.

5 Kehilangan Kelayakan

- 5.1 Bank berhak untuk membatalkan penyertaan atau tidak membenarkan mana-mana Pelanggan yang Layak daripada mengambil bahagian dalam Kempen ini sekiranya ia mendapati atau menentukan bahawa:
 - a) pelanggan yang Layak tersebut telah memberikan maklumat yang tidak benar atau bertindak menipu atau melakukan kesalahan dalam apa-apa cara semasa proses kemasukan atau di sepanjang Tempoh Kempen; atau
 - b) pelanggan yang Layak tersebut telah melanggar atau berpotensi melanggar terma dan syarat yang dinyatakan di dalam ini.

6 Liabiliti

- 6.1 Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan di atas sebarang kerugian atau kerosakan termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan punca pendapatan, keuntungan, nama baik, secara langsung atau tidak langsung, secara sampingan, akibat, contoh, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak-pihak ketiga, yang mungkin timbul sama ada dalam kontrak, tort, kecuaiian atau sebaliknya, yang ditanggung berhubung Kempen ini atau Bank melaksanakan hak-haknya mengikut mana-mana terma dan syarat ini, melainkan dan kecuali kerugian dan kerosakan yang sedemikian adalah disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau, keingkaran atau penipuan dengan sengaja oleh Bank.

7 Umum

- 7.1 Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat di sini, yang akan dibaca bersama-sama dengan Terma dan Syarat Khusus untuk Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE di <https://www.ambank.com.my/amspbtcnc>.
- 7.2 Pelanggan yang Layak dikehendaki melayari ke laman web rasmi Bank di [ambank.com.my/eng/terms-and-conditions](https://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions) sebagai penyertaan dalam Kempen ini mewakili penerimaan anda kepada Terma dan Syarat ini serta Terma dan Syarat Am. Terma dan Syarat ini adalah tambahan kepada terma dan syarat sedia ada masing-masing (jika ada) yang mengawal peruntukan produk dan cadangan yang dirujuk dalam Kempen ini. Sekiranya berlaku percanggahan antara terma dan syarat ini, Terma dan Syarat di sini akan diguna pakai berhubung dengan Kempen ini.
- 7.3 Pelanggan yang Layak dikehendaki menandatangani semua dokumen standard yang berkaitan dan mematuhi semua terma dan syarat berkenaan dengan pelaburan mereka dalam produk berkaitan di bawah Kempen, yang berasingan dari Terma dan Syarat ini.

Terma dan syarat
Kempen Tawaran Pembukaan Cawangan Utama Di Jalan Kelawei
Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE
Tempoh Kempen: 1 Ogos 2026 sehingga 31 Disember 2026

- 7.4 Penafian untuk produk pelaburan:
- a) Produk pelaburan bukan obligasi, dijamin atau diinsuranskan oleh bank dan tertakluk kepada risiko pelaburan (seperti risiko pasaran, risiko mata wang dan risiko kredit pengeluaran) termasuk kemungkinan kehilangan jumlah prinsipal yang dilaburkan. Pelabur dinasihatkan untuk membaca dan memahami kandungan dokumen berkaitan termasuk tetapi tidak terhad kepada prospektus atau memorandum maklumat dan helaian sorotan produk sebelum melabur. Pelabur juga harus mempertimbangkan semua yuran dan caj yang terlibat sebelum melabur. Harga unit dan agihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan juga naik; di mana prestasi lepas bukan jaminan dan bukan petunjuk prestasi masa hadapan. Pelabur harus mempertimbangkan dengan teliti sama ada pandangan pelaburan atau produk pelaburan adalah sesuai memandangkan pengalaman pelaburan mereka sendiri, objektif, sumber kewangan dan keadaan yang berkaitan.
 - b) Produk pelaburan tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).
- 7.5 Penafian untuk produk *Bancassurance/Bancatakaful* bagi Tawaran 3.2:
- a) premium/sumbangan mesti dibayar dalam mod pembayaran tahunan sahaja dan polisi/sijil yang layak mesti berkuat kuasa untuk layak menerima Hadiah Istimewa;
 - b) borang cadangan yang lengkap diserahkan kepada pejabat AmMetLife/AmMetLife Takaful selewat-lewatnya pada 31 Disember 2026 dan seterusnya diluluskan dan dikeluarkan oleh AmMetLife/AmMetLife Takaful selewat-lewatnya pada 15 Januari 2027; dan
 - c) polisi/sijil yang dikeluarkan melepasi lima belas (15) hari tempoh carian percuma.
- 7.6 Kempen ini tidak sah dengan mana-mana promosi Bank yang lain. Tiada kadar khas, tambahan atau keutamaan lain akan diberikan di bawah Kempen ini.
- 7.7 Bank berhak, pada bila-bila masa untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan memberi Notis Terdahulu.
- 7.8 Bank berhak untuk mengubah, meminda, memadam atau menambah kepada mana-mana terma dan syarat yang ditetapkan di sini, sepenuhnya atau sebahagian, dari semasa ke semasa, termasuk untuk mengubah Tempoh Kempen dengan memberi Notis Terdahulu.
- 7.9 Sebarang notis yang akan diberikan oleh Bank akan dipaparkan di laman sesawang rasmi Bank melalui www.ambank.com.my atau dipaparkan di cawangannya, dan sebarang notis yang sedemikian akan dianggap telah diberikan apabila ia dipaparkan di laman sesawang rasminya atau cawangannya, yang mana lebih dahulu dan berkenaan.
- 7.10 Kecuali dinyatakan sebaliknya, terma dan syarat ini akan kekal mengatasi mana-mana peruntukan lain dan/atau representasi yang terkandung dalam mana-mana notis/bahan pengiklanan lain untuk Kempen ini.
- 7.11 Keputusan Bank dalam semua hal berkaitan ketersediaan Kempen adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Pelanggan yang Layak yang mengambil bahagian.
- 7.12 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank tidak akan bertanggungjawab apabila kejadian Force Majeure berlaku. "Force Majeure" merujuk kepada sebarang kejadian dan/atau keadaan yang tidak dijangka yang tidak berada dalam kawalan munasabah Bank, yang mana Bank tidak dapat mencegah, mengelak atau menghapuskan termasuk bencana alam seperti banjir, ribut, gempa bumi, tanah runtuh, gelinciran tanah atau tenggelamnya tanah atau bumi atau tindakan pergolakan awam seperti mogok, penyekatan, gangguan perindustrian, rusuhan, peperangan, yang berada di luar kawalan mana-mana pihak atau apa-apa peristiwa, keadaan atau keadaan lain yang serupa yang mungkin diklasifikasikan sebagai Force Majeure oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 7.13 Semua Terma dan Syarat Kempen yang ditetapkan di sini adalah ditadbir dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan apa-apa pertikaian undang-undang hendaklah dimulakan dan didengar di mahkamah di Malaysia.

Terma dan syarat
Kempen Tawaran Pembukaan Cawangan Utama Di Jalan Kelawei
Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE
Tempoh Kempen: 1 Ogos 2026 sehingga 31 Disember 2026

- 7.14 Terma dan syarat versi Bahasa Inggeris juga disediakan.
- 7.15 Pelanggan yang Layak dikehendaki untuk log masuk ke laman sesawang korporat Bank melalui <http://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions> untuk terma dan syarat terkini serta maklumat terkini Kempen, jika ada.
- 7.16 Untuk sebarang bantuan/maklum balas bagi Kempen ini, Pelanggan yang Layak boleh menghubungi Pusat Panggilan AmBank SIGNATURE Prioriti Banking di 603-2178 6600 atau menghantar e-mel bagi pertanyaan/maklum balas ke customercare@ambankgroup.com.